



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

---

**Bilangan 02 Tahun 2017**

**KADAR AGIHAN BARU PROJEK PERUNDINGAN KERAJAAN  
INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN & INOVASI (IRMI), UiTM**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kadar agihan baru untuk projek perundingan daripada KERAJAAN yang dijalankan oleh perunding UiTM.

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) Bil. 201 pada 07 Disember 2016 telah meluluskan cadangan kadar agihan baru keuntungan projek perundingan daripada KERAJAAN yang dijalankan oleh staf UiTM.

3. Kadar agihan baru untuk projek KERAJAAN adalah seperti berikut :

- i. 20% daripada nilai projek; atau
- ii. 30% daripada keuntungan projek/honorarium

Pemilihan agihan keuntungan WAJIB dibuat semasa pendaftaran projek dilaksanakan.

4. Pecahan kadar agihan 20% daripada nilai projek adalah seperti berikut:

<b>Kadar baru</b>	
Tabung IRMI/RMU Cawangan	5%
Tabung Dana Kecemerlangan	5%
Tabung Destini Anak Bangsa	2%
Tabung Fakulti/Pusat/Cawangan	6%
Tabung Pendapatan UiTM (KY)	2%

5. Pecahan kadar agihan 30% daripada keuntungan projek/honorarium adalah seperti berikut :

<b>Kadar baru</b>	
Tabung IRMI/RMU Cawangan	9%
Tabung Dana Kecemerlangan	6%
Tabung Destini Anak Bangsa	3%
Tabung Fakulti/Pusat/Cawangan	9%
Tabung Pendapatan UiTM (KY)	3%

6. Penggunaan khidmat perunding luar perlu didaftarkan dan dikenakan fi perkhidmatan tidak lebih daripada 10% daripada honorarium yang diperolehi.

7. Pemberian insentif tidak lebih daripada 5% daripada keuntungan projek kepada wakil yang terdiri daripada staf UiTM yang berjaya memperoleh projek untuk dilaksanakan oleh perunding yang dilantik. Peranan wakil tersebut hanya sebagai agen untuk mendapatkan projek dan tidak dilantik sebagai ketua/ahli projek. Pemberian insentif adalah dengan persetujuan semua ahli projek.

## **PELAKSANAAN**

8. Dasar agihan baru ini hanya terpakai untuk projek perundingan KERAJAAN sahaja; manakala projek-projek lain masih kekal dengan kadar agihan yang berkuat kuasa sebelum ini. (Rujuk keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) Bil. 193 pada 23 Disember 2014)

## TARIKH DIKELUARKAN

9. Pekeliling ini dikeluarkan pada 13 April 2017

## TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 April 2017

## PEMAKAIAN

11. Pemakaian pekeliing ini adalah untuk projek perundingan seluruh sistem Universiti Teknologi MARA.

Yang benar



**PROFESOR IR DR HJ ABDUL RAHMAN OMAR, JSM**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

*Dikelilingkan Kepada*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-dekan Fakulti  
Semua Rektor-rektor Kampus Negeri*

Bil. Fail : 100-CSPI(PT.6/7/2)  
No. Siri : 100-IRMI 37/7

---

<sup>1</sup> Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) Bil. 201